

## Sasar habis jual dalam dua bulan

**Kuala Lumpur:** Nadayu Properties Berhad, berjaya menjual 70 peratus daripada 182 unit projek kediamannya, Nadayu62 @ Melawati dan menyasarkan 30 peratus lagi dapat dijual dalam tempoh dua bulan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Farid Nawawi berkata, pihaknya menerima sambutan memberangsangkan bagi projek Nadayu62@Melawati dan turut menawarkan diskaun sehingga 17 peratus kepada pembeli Bumiputera, termasuk 10 peratus rebat standard.

Katanya, terdiri daripada dua blok apartmen setinggi 20 tingkat dan dijual pada harga RM579 hingga RM700 kaki persegi.

"Setiap unit Nadayu62@Melawati berkeluasan antara 950 kaki persegi hingga 2,015 kaki persegi dilengkapi keperluan utama seperti kabinet dapur dengan tempat memasak, peti sejuk, tempat mencuci dan pengering, pencahayaan asas, penyaman udara, kipas siling dan almari pakaian yang siap dipasang di semua bilik tidur.

"Nilai pembangunan kasar bagi projek ini bernilai RM93 juta dan dibangunkan di kawasan seluas 0.8 hektar," katanya pada sidang media di sini, semalam.